

Mengalu-alukan tahun Hijrah 1383

(Disusun oleh: Ahmad Sunhani Haji Muhamad)

Bersempena dengan kedatangan bulan muharam yang berkat ini, kita telah memasuki pula tahun hijrah yang ke 1383. Dia telah mengunjungi kita untuk disambut dengan sepeertinya, dan dia telah datang supaya kita mulakan sejarah hidup kita yang baharu, setelah bertambah lagi umur kita satu tahun.

Kalau pada tahun 1382 yang lalu, kita telah akhiri dengan bulan berkorban, kerana terdapat pada bulan itu suatu hari raya yang dinamakan ((Hari Rayaq Kurban)) dan tiga hari berturut-turut selepasnya bernama ((hari tasyrik)) yang juga dipakai untuk mempersembahkan qurban, maka pada bulan mahram ini, adalah merupakan bulan yang sangat besar ertinya dalam sejarah kebangkitan umat islam, bulan yang telah membuka sejarah baharu mereka yang gilang-gemilang.

Erti Tahun Hijrah

Tahun hijrah ertinya((tahun berpindah)) iaitu tahun berpindah nabi besar junjungan kita Muhammad (S.A.W) dari negeri Mekah ke negeri Madinah.

Maka adalah kota tempat lahirnya agama Islam yang mulia. Di sanalah islam disebarkan, dibela dan dipelihara. Dan di Madinah pula kota tempat islam itu tegak, memperlihatkan kedewasaanya, dan mengishtiharkan kedaulatannya.

Kira-kira tahun 1382 tahun yang lampau, perpindahan itu telah dilakukan oleh Nabi Muhammad (S.A.W) dan

sahabat-sahabatnya secara besar-besaran – walaupun sebelum itu pernah juga diantara sahabat-sahabat nabi itu yang pernah berhijrah ke negeri Habsyi sebanyak dua kali. Kerana mereka dapati Islam di negeri mereka sentiasa di halangi-halangi dan sentiasa mendapat ancaman dari suku-suku dan kaum keluarga mereka sendiri.

Peristiwa hijrah dijadikan permulaan tahun islam:

Peristiwa hijrah ini adalah tersangat penting dalam sejarah Islam, sehingga tahun Islam tidak dikira atau dihitng dari hari kelahiran Nabi Muhammad (S.A.W) malahan dari saat baginda itu meninggalkan kampung halamannya yang sangat dicintainya menuju perantauan yang baharu.

Menurut riwayat Saidina Umar bin Al-Khattab lah yang menunjukkan supaya tahun Islam itu dimulakan dari masa hijrahnya Nabi Muhammad(S.A.W). Anjuran tersebut telah mendapat persetujuan oleh kebanyakan para sahabat.

Betapa peristiwa hijrah tersebut tidak penting, kerana kalau pada waktu dahulu ketika baginda di Mekah. Bukan sahaja baginda kerap diganggu, di halangi-halangi tugasnya untuk menyerukan perintah Allah dan menyebarkan¹ agama Islam selama kira-kira 13 tahun dikalangan penduduk Mekah, bahkan juga baginda disakiti dan dipulaukan bersama-sama sukunya iaitu suku Bani Hashim dan Bani al-Mutalib, diboikot dan diasingkan oleh penduduk-penduduk

¹ Kesalah ejaan sepatutnya menyebarkan

Mekah dalam sebuah kawasan yang bernama sha'ab – mereka tak dibenarkan berkawal dengan penduduk-penduduk Mekah, tak boleh bertolong-tolongan, bersemenda² dan berjual beli dengan mereka selama kira-kira tiga tahun – yang menyebabkan mereka menderita yang bersangatan, sehingga mereka terpaksa mencari daun-daun kayu untuk dijadikan makanan.

Sedang di Madinah pula baginda telah disambut oleh penduduk-penduduknya dengan sambutan yang melebihi terhadap keluarga sendiri, disanjung dan dimuliakan. Dan sahabat-sahabatnya yang ikut berhijrah denganya pun tak kurang mereka iaitu mendapat layanan seperti baginda, sehingga masa yang gelap dahulu bagi Islam selama 13 tahun di Mekah, telah bertukar menjadi terang dan gilang gemilang sewaktu di Madinah.

Rancangan-rancangan yang dijalankan selepas Hijrah

Satu perubahan mengenai nasib umat Islam telah diciptakan oleh Nabi (S.A.W) sebaik-baik sahaja baginda itu semasa di Madinah.

Pertama-tama rancangannya yang dilaksanakan ialah, membina masjid tempat mententeramkan jiwa umat islam dalam tugasnya beribadah dan mengabdikan diri terhadap Allah.

Selain masjid itu dijadikan tempat smbahyang, juga dijadikan dewan tempat umat islam belajar, menambahkan ilmu pengetahuan, pusat tempat mengemudikan hal ehwal kaum muslimin, majlis mesyuarat dan persidangan dengan sahabat-sahabat baginda untuk kebajikan agama, untuk penyebarannya dan mempertahankannya dari pencerobohan musuh.

Rancangan kedua ialah, mempersaudarakan antara sahabat-sahabatnya yang telah berhijrah dari Mekah untuk mengongsi ke Madinah yang digelar kemudian oleh baginda

dengan gelaran ((Al-Muhajirin)) – dipersaudarakan dengan penduduk-penduduk Madinah yang menerima kedatangan mereka mengongsi dirumah-rumah mereka dan menolong serta membantu mereka sebagai sifatnya mereka tuan rumah yang digelar kemudian oleh baginda dengan gelaran((Al-Ansar)).

Dengan adanya tali persaudaraan ini, terikatlah mereka menjadi satu yang merupakan sebagai satu tubuh pula, bila yang satu teras sakit akan dirasakannya pula kesakitan oleh seluruh tubuh yang lain, sehingga menjadi demam dan tak dapat tidur.

Dan rancangan yang ketiga ialah, membentuk satu umat. Islam telah diishtiharkan oleh baginda sebagai satu umat Islam yang berdaulat, supaya diketahui oleh seluruh penduduk Jazirah arab pada masa itu. Dengan mengishtiharkan kedaulatan Islam tersebut mulalah ia meningkat naik dengan beransur-ansur, akhirnya supaya kepada tingkatan kesempurnaan sebagai yang diakui oleh Allah subhanahu wa ta'ala dengan firmanNya:

Alyawma a'kmaltu lakum dīnakum waa'imamtu 'alāyikum n'imaī waradītu lakumu al- i'slāma dinā (al-mā'idah 3).

Yang ertinya: ((Hari ini telah aku sempurnakan agama kamu bagi kamu dan aku mencukupkan nikmatku atasmu, dan aku redha agama islam itu menjadi agamamu)).

Setelah bertapak di Madinah kira-kira selama 9 tahun dan dengan sempurnanya islam itu ke alam wujud, selesailah sudah tugas junjungan kita Nabi Muhammad (S.A.W) menyampaikn agama Allah itu kepada umatnya, maka kembalilah baginda ke rahmat Allah menemui tuhanNya.

Inilah diantara rancangan-rancangan yang terpenting yang perlu mendapat perhatian kita dalam mengalu-alukan ketibaan tahun

-sambungan ke muka 29-

² Perkataan sepatutnya bersenda